



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM MESYUARAT KESIHATAN MULUT GLOBAL WHO: MEMACU LIPUTAN KESIHATAN SEJAGAT UNTUK KESIHATAN MULUT MENJELANG 2030

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan penglibatan Malaysia dalam **Mesyuarat Kesihatan Mulut Global 2024** yang julung kali diadakan, dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dari 26 hingga 29 November 2024 di Bangkok, Thailand. Mesyuarat penting ini menghimpunkan wakil dari lebih 100 negara, termasuk menteri kesihatan, pemimpin kesihatan mulut negara, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), organisasi masyarakat sivil, dan pakar antarabangsa untuk mengukuhkan komitmen global dalam mencapai **Liputan Kesihatan Sejagat (UHC)** untuk kesihatan mulut menjelang tahun 2030.
2. Penyakit mulut, yang mempengaruhi 3.5 bilion orang di seluruh dunia, merupakan komponen kesihatan yang signifikan tetapi sering diabaikan dalam sistem kesihatan global. Pengesahan **Deklarasi Bangkok: Menuju UHC untuk Kesihatan Mulut Menjelang 2030** semasa mesyuarat ini menandakan satu pencapaian penting dalam usaha mengintegrasikan kesihatan mulut dalam pencegahan dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD) serta memperkukuh sistem penjagaan kesihatan primer.
3. Malaysia komited sepenuhnya untuk menyokong matlamat **Pelan Tindakan Kesihatan Mulut Global (GOHAP) 2023-2030**, yang sejajar dengan keutamaan strategik WHO dan agenda kesihatan negara demi kepentingan rakyat Malaysia.
4. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, akan mewakili negara dalam sesi perbincangan di Sidang Kemuncak bertajuk "**Dari Bangkok ke New York: Meningkatkan Kesihatan Mulut di Negara-negara dan untuk Mesyuarat Peringkat Tinggi PBB Ke-4 Mengenai NCDs 2025.**" Beliau akan berkongsi visi Malaysia dalam mengintegrasikan kesihatan mulut ke dalam kerangka UHC negara, serta membincangkan bagaimana Deklarasi Bangkok dapat mempercepat kemajuan ke arah kesaksamaan kesihatan mulut dan pencegahan NCD.

5. Selain itu, Dr. Noormi Othman, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan bagi Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia, akan menyampaikan pandangan Malaysia mengenai tadbir urus, kepimpinan, dan kewangan dalam kesihatan mulut. Dalam sesi ini, beliau akan menyoroti usaha Malaysia memperkukuh struktur tadbir urus, mengintegrasikan kesihatan mulut ke dalam sistem kesihatan nasional, dan menjalin kerjasama merentas sektor untuk memastikan akses perkhidmatan kesihatan mulut yang saksama.
6. Malaysia juga akan menunjukkan pencapaian penting dalam kesihatan mulut, termasuk pelaksanaan **Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan dan Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2022-2030** serta **Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030**, sebagai contoh kejayaan integrasi kesihatan mulut dalam pencegahan NCD dan usaha meningkatkan kesaksamaan kesihatan. Program seperti **Klinik Pergigian Sekolah**, yang menyediakan akses perkhidmatan pergigian kepada guru, kakitangan sokongan, dan keluarga mereka, serta kerjasama dengan sektor swasta dan NGO untuk membantu kumpulan terpinggir, turut akan diketengahkan.
7. Mesyuarat Kesihatan Mulut Global WHO ini merupakan langkah penting dalam proses persediaan untuk **Mesyuarat Peringkat Tinggi PBB Ke-4 Mengenai NCDs**, pada tahun 2025. Dengan menangani beban global penyakit mulut, mesyuarat ini bertujuan memperkukuh keupayaan sistem penjagaan kesihatan negara untuk memenuhi komitmen di bawah resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia 2021 (WHA74.5) dan mempercepat pelaksanaan GOHAP 2023-2030.
8. Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini menekankan peranan kepimpinan negara dalam memajukan kesihatan mulut di peringkat serantau dan global. Kementerian Kesihatan Malaysia tetap komited untuk memperluas perkhidmatan pergigian di fasiliti kesihatan primer daripada **55% pada 2023 kepada 80% menjelang 2030** bagi meningkatkan akses terutamanya kepada penduduk yang rentan dan terpinggir bagi mendapat perkhidmatan pergigian tanpa sebarang kesulitan kewangan, serta memperkukuhkan jalinan kerjasama, advokasi, dan inovasi dasar, bagi mencapai kesihatan mulut yang mampan untuk semua menjelang 2030.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

26 NOVEMBER 2024